

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-608 BIL.2/2025
25 FEBRUARI 2025

**1) TARIKH AKHIR PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI
PENGAL PERTAMA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE
SEBERANG PERAI**

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGAL PERTAMA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** telah bermula pada 1 Disember 2024 dan akan tamat pada 28 Februari 2025. Promosi ini diadakan khas kepada semua pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun bagi Tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

MBSP telah menyediakan sebanyak **60 hadiah cabutan bertuah** berbentuk wang tunai seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-6 hingga Ke-60	Pelbagai Hadiah Wang Tunai Yang Lain

Selain itu, ASPIRE Seberang Perai juga telah menaja **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** kepada pemilik premis yang membuat bayaran melalui aplikasi **ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal** atau **ASPIRE Smart Cashless Kiosk**. Tajaan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	LEM E-Bike
Tempat Ke-2	LEM Folding Bike
Tempat Ke-3	Electric Scooter

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai sebanyak **RM8,888**.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> atau sila hubungi talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbps.gov.my

2) PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 3 MAC 2025

Dimaklumkan bahawa 28 Februari 2025 (Jumaat) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2025. Mulai 3 Mac 2025 (Isnin), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Samakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Kg. Jawa & Jawi.

3) PENGANJURAN PROGRAM KEMBIRI BERSUBSIDI DI KLINIK-KLINIK VETERINAR SWASTA TERPILIH DI SEBERANG PERAI

Program kembiri bersubsidi 2025 di klinik-klinik veterinar swasta di seluruh Seberang Perai merupakan program sepanjang tahun 2025. Tahun ini merupakan edisi ke-2 bagi pengumuman program ini. Pada edisi yang pertama, MBSP telah memperuntukkan sebanyak 264 slot pemandulan di tiga (3) buah klinik veterinar swasta di Seberang Perai.

Pada tahun 2025, inisiatif ini diteruskan lagi untuk memberikan perkhidmatan pemandulan bermutu tinggi di klinik-klinik veterinar swasta dengan harga mampu milik kepada masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) setempat khususnya di Seberang Perai. Oleh yang demikian, pada edisi kali ini, kapasiti pemandulan bersubsidi telah ditingkatkan kepada 720 subsidi pemandulan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM60,000.00 telah diperuntukkan oleh MBSP. Klinik-klinik ini juga berada di setiap daerah di Seberang Perai bagi menggalakkan penyertaan penduduk setempat dan NGO daripada setiap daerah di Seberang Perai.

Oleh itu, lokasi dan maklumat bagi lima (5) klinik veterinar swasta yang akan terlibat adalah seperti berikut:

DAERAH	KLINIK
Seberang Perai Utara	Pet Wellness Sdn. Bhd.
Seberang Perai Tengah	Klinik Haiwan dan Surgeri Introvet
	Unipet Veterinary Clinic
Seberang Perai Selatan	Windsor Animal Clinic
	Vet Connect Animal Clinic

Program ini dijangka bermula dari 25 Februari 2025 sehingga 31 Disember 2025 (atau sehingga slot habis ditebus).

4) PELAKSANAAN KEMPEN TANPA BEG PLASTIK SETIAP HARI DAN KEMPEN LARANGAN PENGGUNAAN PENYEDUT MINUMAN PLASTIK DI SEBERANG PERAI

Dalam usaha menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan Dasar Pengurusan Sisa Plastik di Pulau Pinang dan komited untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar lestari dan mesra alam, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menetapkan inisiatif pelaksanaan seperti berikut :

i. **Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Plastik Setiap Hari Pulau Pinang**

Selaras dengan pelancaran kempen ini oleh YB. Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan

dan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 14 Februari 2025, setiap perniagaan di dalam kategori Pasaraya *Hyper*, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian dan Farmasi **TIDAK DIBENARKAN** untuk membekalkan lagi beg plastik secara percuma ataupun dengan bayaran RM 1.00 kepada pelanggan mulai **01 September 2025**.

Sebagai alternatifnya, pelanggan diminta dan digalakkan untuk membawa beg sendiri atau memilih penggunaan beg mesra alam yang boleh digunakan semula.

ii. **Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik**

Pihak MBSP telah menetapkan bahawa mulai **01 September 2025**, setiap premis perniagaan dan penjaja termasuk di Kompleks Makanan dan Pasar Awam MBSP di Seberang Perai **TIDAK DIBENARKAN** untuk membekalkan dan menyediakan penyedut minuman plastik kepada pelanggan.

Kedua-dua kempen ini walau bagaimanapun akan dijalankan secara berfasa mengikut tempoh seperti berikut :

- **Fasa 1** : Bermula **1 Mac hingga 31 Ogos 2025**, penguatkuasaan secara berhemah akan dijalankan. Pada peringkat ini, tindakan pengeluaran notis dan khidmat nasihat akan dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa MBSP.

- **Fasa 2** : Bermula **1 September 2025**, pihak MBSP akan memulakan proses tindakan penguatkuasaan secara penuh. Peniaga-peniaga yang gagal mematuhi kempen akan diambil tindakan penguatkuasaan pengeluaran Notis Tawaran Kompaun dengan kadar bayaran sebanyak RM500.00 dan pembatalan lesen perniagaan MBSP.

Sehubungan dengan itu, pihak MBSP menyeru perhatian dan sokongan daripada semua pihak termasuk peniaga dan penduduk di Seberang Perai untuk memberikan kerjasama pelaksanaan kempen ini demi menjaga bandar ini sekaligus mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dasar ini, sila hubungi *helpdesk* Jabatan Pelesenan, MBSP di talian **04-5497685**.

5) MBSP MELARANG MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN YANG SAH

Semua premis yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan Seberang Perai hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada MBSP berdasarkan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980. MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen.

MBSP telah menjalankan pendakwaan terhadap pemilik syarikat yang menjalankan perniagaan kitar semula barang plastik tanpa lesen yang sah di Seberang Perai Tengah. Pada 18 Februari 2025, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah dan mengaku bersalah

terhadap pertuduhan yang dikenakan. Seterusnya Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM800.00 atau gagal 10 hari penjara di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah daripada pihak berkuasa tempatan. MBSP mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

6) SAMBUTAN RAMADAN AL-MUBARAK 1446H

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak kepada seluruh masyarakat di Seberang Perai yang beragama Islam. 1 Ramadan 1446H dijangka pada 2 Mac 2025 (Ahad). Oleh itu, selamat menjalani ibadah puasa.

Sekian, terima kasih.